

24 JUL 1996

DR MAHATHIR DIRAI SEMPENA 15 TAHUN SEBAGAI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diraikan pada Majlis Jamuan Makan Perdana sempena 15 tahun perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri di sini tengah hari ini.

Isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengiringi beliau pada jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan anggota Jemaah Menteri di Renaissance Kuala Lumpur, sebuah hotel baru di sini.

Seramai 600 jemputan termasuk Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, para anggota Parlimen, tokoh-tokoh veteran politik, pemimpin parti-parti politik termasuk dari pembangkang dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Kebanyakan daripada mereka hadir bersama-sama isteri masing-masing.

Majlis itu dipenuhi dengan ucapan dan persembahan klip video mengenai perkhidmatan Dr Mahathir sepanjang 15 tahun.

Dr Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Hussein Onn pada 16 Julai 1981. -- BERNAMA

HS